




## BILANGAN 33 PENGGANAS, PENYAMUN DAN KOMRAD

### PETIKAN 1



Bagi saya, mereka seharusnya dipanggil **pengganas** kerana bersikap tidak berperikemanusiaan.

### PETIKAN 2



Kita harus anggap **pengganas** sebagai musuh kita.

Kita memang tidak teragak-agak menyebut orang atau kumpulan orang sebagai **pengganas** kerana sikap ganasnya, sikap tidak berperikemanusiaan dan sebagainya. Apatah lagi, kita menganggap mereka musuh kerana tindak-tanduknya yang mencemar agama suci kita, Islam. Lihat pendirian yang diberitakan dalam petikan 1 dan petikan 2.

Namun, bagi pihak **pengganas** pula, mereka tidak pernah menganggap rakan-rakan seperjuangan mereka sebagai **pengganas** seperti yang terakam dalam petikan 3.

Saya masih ingat, pada awal-awal enam puluhan, kekata '**komrad**' digunakan secara meluas di kalangan anggota sesuatu pertubuhan, terutama parti politik. Malah, Parti Komunis Malaya yang juga mengganas dan membunuh penduduk Malaya seperti kumpulan Al-Qaeda turut juga menggunakan '**komrad**' (digambarkan dalam drama pentas dan radio/televisyen). Agaknya penggunaan kekata itu untuk menghargai perjuangan rakan-rakan seperjuangan mereka.

Kecuali dalam filem Ali Baba Bujang Lapok, P. Ramlee (ketua penyamun) memanggil teman-teman sekumpulannya dengan panggilan '**penyamun**'; "Hai, penyamun-penyamun, esok kita cuti bagi mengingati kematian Kassim Baba." Tapi, panggilan itu semata-mata untuk menimbulkan kesan komedi.

### PETIKAN 3



Zawahiri berkata **pengganas** di Iraq harus mengelak diri daripada menggunakan taktik seperti mengebom masjid dan membunuh para tebusan jika ia tidak mahu mencetuskan kemarahan orang ramai.

Nota : kandungan surat Zawahiri (pemimpin Al-Qaeda) kepada Zarqawi (pemimpin **pengganas** Iraq)

Agaknya, apakah kekata yang sesuai bagi menggantikan kekata '**pengganas**' sewaktu kita memindahkan kandungan surat Zawahiri ke dalam bentuk cakap pindah? Saya tidak tergambar akan Zawahiri yang tega memanggil rakan-rakannya sebagai **pengganas**.